

Soalan No: 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]****TARIKH : 2.8.2017****SOALAN :**

Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menubuhkan jawatankuasa khas untuk memantau penggunaan Bahasa Melayu bagi memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu di setiap Kementerian serta agensi-agensi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan (JKBK) pada 30 November 2010. JKPBK bertujuan memantapkan usaha memartabatkan bahasa Melayu dengan melibatkan kementerian dan agensi kerajaan negeri, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Hingga tahun ini (2017), jawatankuasa ini melibatkan 18 sektor penting, iaitu pendidikan, perkhidmatan awam, media dan komunikasi, kewangan dan insurans, tempat awam, perdagangan dan kepenggunaan, sumber manusia, belia dan sukan, perhotelan dan kebudayaan, sains dan teknologi, kerja raya, pengurusan Teknologi

Maklumat dan Komunikasi sektor awam, luar negeri, dalam negeri, pertahanan, kesihatan, perdagangan antarabangsa dan industri, dan Wilayah Persekutuan. Selain itu, dua buah jawatankuasa bersama dibentuk, iaitu Jawatankuasa Bersama Penggunaan Bahasa Kebangsaan DBP – Syarikat Berkaitan Kerajaan yang terletak di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan, dan Jawatankuasa Bersama Penggunaan Bahasa Kebangsaan DBP – Khazanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program di bawah JKPBK antaranya ialah memantau penggunaan bahasa Melayu setiap kementerian serta agensi selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/76 (Akta 32) yang menghuraikan peranan bahasa kebangsaan sebagai maksud rasmi; serta memastikan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011 berkenaan Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam dipatuhi oleh semua agensi kerajaan di seluruh negara.